

UMS juara Bola Jaring Terbuka Labuan 2012

LABUAN : Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara kategori terbuka Kejohanan Bola Jaring Terbuka Wilayah Persekutuan Labuan dan IPTA / Sekolah Labuan 2012 yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Labuan pada Sabtu dan Ahad lalu.

Pada perlawanan akhir yang menarik dan mendebarkan, UMS yang dibimbing jurulatih Israh Aripin menewaskan KB Striver's dari Kota Belud 15 - 12 untuk membawa pulang hadiah wang tunai RM500, trofi, medal dan sijil penyertaan manakala KB Striver's meraih RM300, medal dan sijil penyertaan.

Tempat ketiga pula dimenangi pasukan Kizuna dari Jabatan Kesihatan Penampang selepas mengecewakan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), 18-14 untuk meraih RM200, medal dan sijil penyertaan.

Bagi kategori IPTA / Sekolah, pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) yang dibimbing jurulatih Aini Md Salleh menang mudah keatas Kolej Vokasional Labuan 18 - 7 untuk memenangi RM300, trofi, medal dan sijil penyertaan manakala Vokasional menerima RM200, medal dan sijil penyertaan.

Pasukan SMK Labuan menduduki tempat ketiga kategori IPTA / Sekolah selepas mengalahkan Netbuster UMS-KAL 12 - 4 untuk memenangi RM100, medal dan sijil penyertaan.

Pemain Chicaro's, Nur Azmah Ramon dipilih



JUARA kategori IPTA / Sekolah dimenangi pasukan MSS Wilayah Persekutuan Labuan.



PASUKAN UMS juara kategori terbuka Kejohanan Bola Jaring UMS-KAL 2012.



PASUKAN SMK Labuan menduduki tempat ketiga.

sebagai pemain terbaik kategori terbuka manakala Stephenic Jane Henry yang mewakili Pesta Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan

Pendidikan (PSKPP) Wilayah Persekutuan Labuan dinobatkan sebagai pemain terbaik kategori IPTA / Sekolah.

Pemain UMS, Nur

Masaini Mazlan dari UMS pula meraih trofi pemain terbaik di perlawanan akhir kategori terbuka.

Sebanyak 15 pasukan menyertai kategori terbuka manakala kategori IPTA

kejuhunan itu ialah PDRM, Kastam, X'Treme, SMK Taman Perumahan Bedaun Jaguh, Hasil, RX Team, Grand Dorsett Labuan, Perisma, TMF Group, Jabatan Kerja Raya dan

Chicaro's.

Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Turut hadir Penyelaras Program, Haneffa Muchlis Ghazali dan Pengarah Program, Farena Abd Mutalib.

Kejuhunan yang julung kalinya dianjurkan UMS-KAL itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara UMS-KAL dengan pasukan yang mengambil bahagian selain meningkatkan mutu sukan bola jaring di Wilayah Persekutuan Labuan.




AJK Penganjur bergambar kenangan bersama Gabriel (kanan).

/ Sekolah disertai 4 pasukan

kejuhunan dua hari itu yang


dianjurkan Bahagian Sukan dan Rekreasi dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) dan Kelab Bola Jaring UMS-KAL. Turut menyertai



NUR MASAINI (kiri) menerima trofi pemain terbaik perlawanan akhir kategori terbuka daripada Gabriel.



KB STRIVER'S (berdiri) bergambar bersama UMS sebelum perlawanan akhir kategori terbuka.



AKSI perlawanan akhir antara UMS dan KB Striver's